KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **10 FEBRUARI 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH
BeritaHarian

HARI: ISNIN
TARIKH: 10/2/2025
M/SURAT: 13

# 174 pasar raya, pusat beli-belah terbabit PJRM Back To School



Armizan memakaikan pakaian seragam sekolah kepada Mohd Zuhrel Elric, 13, yang membeli barangan sekolah pada PJRM Back To School 2025 sempena musim cuti persekolahan di pusat beli-belah ITCC, Penampang, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

## 101 siri program sudah dilaksana bantu rakyat kurang mampu sedia kelengkapan sekolah anak

Oleh Yun Mikail
bhnews@bh.com.my

**Penampang:** Sebanyak 174 pasar raya, pusat beli-belah dan kedai pakaian terbabit dalam pelaksanaan secara dalam premis dan luar premis menerusi Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) *Back To School 2025*.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata, sehingga 8 Februari lalu, sebanyak 101 siri *PJRM Back To School* sudah diadakan daripada 241 jumlah keseluruhan yang disasarkan dalam tempoh pelaksanaan program terbabit.

Beliau berkata, sebanyak 241 siri *PJRM Back To School* dirancang dalam tempoh berkenaan dan setakat ketika ini, sebanyak 101 siri program itu sudah dilaksanakan sekali gus mampu membantu rakyat terutama yang kurang mampu menyediakan kelengkapan sekolah anak.

"Di Sabah, sebanyak 24 daripada 31 siri *PJRM Back To School* telah dilaksanakan setakat hari ini (semalam).

"*PJRM Back To School 2025* berlangsung sepanjang tempoh cuti persekolahan, iaitu bermula sejak 18 Januari lalu sehingga 15 Februari ini.

"Program ini diusahakan sempena persediaan sesi persekolahan baharu. Pengguna boleh mendapatkan barangan kelengkapan persekolahan dengan diskaun antara 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran semasa," katanya ketika ditemui media selepas merasmikan *PJRM Back To School 2025* sempena musim cuti persekolahan di pusat beli-belah ITCC, di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Sabah, Shahrill Nizam Shahidan.

Beliau berkata, terdapat 41 sehingga 70 unit penyimpanan stok (SKU) ditawarkan seperti pakaian seragam sekolah, kasut sekolah, beg sekolah dan kelengkapan alat tulis.

### Semak Takwim PJRM

Dalam pada itu, Armizan menggesa orang ramai khususnya ibu bapa merujuk Takwim PJRM melalui laman sesawang rasmi KPDN untuk mengetahui tarikh dan lokasi *PJRM Back To School* seterusnya.

"KPDN akan terus memperkasa pelaksanaan program di bawah inisiatif ini termasuk pembudayaan dan peluasan kepada semua golongan sasar PJRM sedia ada.

"Ia sejajar pengumuman dalam Belanjawan 2025 yang menyaksikan peruntukan peningkatan daripada RM300 juta kepada RM600 juta tahun ini bagi pelaksanaan program di bawah inisiatif Payung Rahmah," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia

HARI: ISNIN

TARIKH: 10/2/2025

M/SURAT: 6

# Jualan Rahmah: Diskaun hingga 30 peratus kelengkapan sekolah

Oleh SURAIDAH ROSLAN

**PENAMPANG:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperluaskan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) menerusi 'PJRM Kembali Ke Sekolah' di 124 premis menjual barangan kelengkapan persekolahan di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, program yang diadakan sempena persediaan sesi persekolahan baharu itu menawarkan diskaun antara 10 hingga 30 peratus bagi barangan kelengkapan persekolahan sehingga 15 Februari ini.

Beliau berkata, pasar raya, pusat membeli-belah dan kedai pakaian yang terlibat menawarkan 45 hingga 70 unit penyimpanan stok (SKU) seperti pakaian seragam sekolah, kasut, beg dan kelengkapan alat tulis.

"Setakat semalam, daripada 343 program yang disasarkan, sebanyak 101 PJRM Kembali Ke Sekolah telah diadakan di seluruh negara.

"Pelaksanaan PJRM Kembali Ke Sekolah adalah sebahagian daripada program-program di bawah inisiatif Payung Rahmah yang menerima peruntukan RM300 juta dalam Belanjawan 2025," katanya dalam sidang akhbar sempena PJRM Kembali Ke Sekolah di Pusat Beli-belah ITCC di sini, semalam.

Mengulas tentang pemantauan harga barang kelengkapan persekolahan, Armizan berkata, KPDN sentiasa memantau sekiranya ada elemen pencatutan dalam penjualan barang-barang keperluan persekolahan.

"Kita sentiasa mengambil-alakan aduan dan laporan daripada orang awam. Jika dilihat pada tahun lepas, salah satu daripada agenda penting KPDN adalah ketangkasan dalam penguatkuasaan.

"Jika ada mana-mana aduan berkaitan harga, kita akan pastikan tindakan susulan diambil dalam tempoh 24 jam untuk kita melakukan semakan mengenai elemen pencatutan. Itu prosedur operasi standard (SOP) yang kita tetapkan," katanya.



ARMIZAN Mohd. Ali (dua dari kanan) membantu salah seorang pelajar memilih baju seragam sekolah sempena Program Jualan Rahmah Madani Kembali Ke Sekolah di Penampang, Sabah semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: ISNIN
TARIKH: 10/2/2025
M/SURAT: 14

# Tawar baju sekolah, alat tulis murah

- Jualan Rahmah di 174 premis seluruh negara
- Diskaun sehingga 30 peratus

PETALING JAYA – Sebanyak 174 pasar raya, pusat beli-belah dan kedai pakaian terlibat melalui pelaksanaan secara dalam premis dan luar premis bagi Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Back To School 2025.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, program tersebut bermula sejak 18 Januari sehingga 16 Februari ini iaitu sepanjang tempoh cuti persekolahan.

"Pengguna boleh mendapatkan barangan kelengkapan persekolahan pada kadar diskaun antara 10 hingga 30 peratus, lebih murah berbanding harga pasaran semasa.

"Terdapat 40 sehingga 70 unit penyimpanan stok ditawarkan seperti pakaian seragam sekolah, kasut sekolah, beg sekolah dan kelengkapan alat tulis," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, setakat kelmarin, sebanyak 101 siri PJRM Back to School telah dilaksanakan daripada 243 jumlah keseluruhan yang disasarkan dalam tempoh pelaksanaan program ini.

"Sebagaimana diumumkan dalam Belanjawan 2025, peruntukan pelaksanaan program-program di bawah inisiatif Payung Rahmah ditingkatkan daripada RM200 juta kepada RM300 juta, iaitu penambahan RM100 juta berbanding tahun lalu.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) terus memperkasa pelaksanaan program di bawah inisiatif ini termasuklah penambahbaikan dan peluasan liputan dan golongan sasar bagi PJRM sedia ada," katanya.

Orang ramai boleh merujuk Takwim PJRM melalui pautan https://www.fpdn.gov.my/index.php/ms/jualanrahmah untuk mengetahui tarikh dan lokasi PJRM Back to School yang akan diadakan.



ARMIZAN memperagakan pakaian sekolah kepada seorang murid semasa PJRM di Penampang semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: ISNIN

TARIKH: 10/2/2025

M/SURAT: 8

# PJRM Back To School tawar harga murah di 174 lokasi

**Penampang:** Sebanyak 174 pasar raya, pusat beli-belah serta kedai pakaian terbabit dalam pelaksanaan secara dalam dan luar premis menerusi Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Back to School 2025.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, 101 siri PJRM Back To School dilaksanakan daripada 243 jumlah keseluruhan yang disasarkan dalam tempoh pelaksanaan program terbabit setakat 8 Februari lalu.

"Menerusi jumlah itu juga, 31 siri PJRM Back To School diadakan di Sabah dan setakat ini 24 siri sudah berlangsung setakat hari ini (semalam).

"PJRM Back To School 2025 berlangsung sepanjang tempoh cuti persekolahan iaitu bermula sejak 18 Januari lalu dan dijadualkan berlangsung sehingga 16 Februari depan.

"Program ini dianjurkan sempena persediaan sesi persekolahan baharu. Pengguna boleh mendapatkan barangan kelengkapan persekolahan pada kadar diskaun antara 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran semasa," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: ISNIN
TARIKH: 10/2/2025
M/SURAT: 11

# Lebih banyak aduan, lagi bagus - Armizan

**PENAMPANG-** Lebih banyak aduan dilaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menunjukkan kesedaran masyarakat kini semakin peka dengan isu kepenggunaan, kata Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali.

Bagaimanapun, Armizan menyarankan supaya aduan tersebut dibuat ke platform yang bersesuaian untuk direkodkan dan juga untuk diambil tindakan susulan oleh pihak KPDN.

"Di bawah kepimpinan saya di KPDN, sebagaimana program Kita Gempur yang kita laksanakan itu, lagi banyak aduan, lagi bagus bagi saya.

"Sebab ia menggambarkan tentang advokasi, tentang kesedaran rakyat mengenai hak mereka. Jadi saya tidak melihat bahawa bilangan aduan itu rendah, penting bagi saya. Saya lagi suka supaya aduan lebih banyak untuk menggambarkan kesedaran masyarakat.

"Tapi buat aduan di platform yang bersesuaian yang telah kita tetapkan supaya kita ada rekod, supaya kita boleh buat tindakan susulan dalam tempoh yang saya tetapkan. Saya khuatir kalau kita tularkan dahulu, ada pihak yang disyaki akan cuba menyembunyikan kesalahan yang mereka lakukan, jadi lapor dan buat aduan, saya galakkan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas meninjau Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Back To School di salah sebuah pasar raya di Penampang pada Ahad.

Sehubungan itu, Armizan menyarankan KPDN di semua peringkat menggunakan saluran aduan sedia ada untuk diperluaskan lagi menerusi pelbagai kaedah yang sesuai.

"Contohnya di Sabah ini saya telah arahkan menggunakan papan iklan dan skrin pengiklanan diod pemancar cahaya (LED) untuk memaklumkan saluran aduan tersebut.

"Janganlah pasang muka Menteri KPDN dengan ucapan Selamat Hari Raya, Selamat Hari Krismas tetapi lebih kepada perkara yang berinformatif.

"Boleh ada iklan muka, tetapi mesti ada maklumat di mana aduan boleh dibuat, di mana takwim Jualan Rahmah, papan iklan ini biarlah ada bahan yang lebih berinformatif dan yang boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat kita," katanya.



Armizan (tiga dari kiri) ketika meninjau jualan barangan sekolah menerusi PJRM Back To School yang dilaksanakan di Sabah pada Ahad.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 10/2/2025
M/SURAT: 2

# Cheaper school items on sale until Feb 16

Hayati Dzulkifli

PENAMPANG: Parents in Sabah who have schooling children can buy cheaper school items until Feb 16 following implementation of 243 series of Madani Rahmah Sales Program (PJRM) 'Back to School' 2025 nationwide.

Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Minister Datuk Armizan Mohd Ali said in Sabah there are 31 series of the programme in which 24, as of Feb 8, have been carried out.

The programme is open to all parents irrespective of their economic status.

Of the 243 series nationwide, he said 101 series have been implemented in the country, as of Feb 8, 2025.

He said consumers especially parents get to enjoy a discount between 10 and 30 per cent which is cheaper than the current market prices.

He added that the 'Back To School' programme is one of the improvements under the existing PJRM so that it is more extensive and meets the needs of the target group.

"This program aims to ease the burden of the target group, especially parents, in buying their children's school supplies ahead of the start of the school session.

"A total of 174 supermarkets, clothing stores and shopping centers are involved in the program which is implemented nationwide from Jan 18 until Feb 16.

"This program also offers 45 to 70 stock keeping units (SKU) or types of school goods with various brands," he said.

Armizan said this to reporters after officiating the PJRM 'Back To School', at the ITCC Shopping Mall, here on Sunday.



Armizan (second right) helping a boy put on a school uniform at the event.

He also presented coupons for food baskets to 100 schooling children at the event.

He said the remaining of the series of the programme will be continued to ensure the goals and benefits will be enjoyed by the local communities in Sabah.

"Therefore, I welcome the public to take advantage of this program, and get more information by checking the KPDN website for information on the implementation of this program in their respective areas," Armizan said.

In this regard, he said, a series of such programs will likely be added in the future following the overwhelming response from the community, especially the target groups.

Also present were KPDN Sabah Director Shahril Nizam bin Shahidin, Malaysia Companis Commission (SSM) Sabah director Mohd Aris Hamzah and Institut Kerjasama Kerajaan dan Rakyat (IKRAR) Director Azrul bin Ibrahim under Chief Minister's Department.

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 10/2/2025
M/SURAT: 3

# 31 siri PJRM 'Back To School' dilaksana di Sabah, bantu ibu bapa

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan 31 siri Program Jualan Rahmah Madani 'Back To School' di Sabah bagi memenuhi keperluan masyarakat di wilayah ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 24 siri PJRM yang bermula 18 Januari lalu, telah pun dilaksanakan setakat ini di beberapa kawasan.

"Baki siri program ini akan diteruskan bagi memastikan matlamat dan manfaat program ini dapat dinikmati masyarakat di Sabah," katanya ketika ditemui selepas merasmikan PJRM 'Back To School', di ITCC, di sini, Ahad.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, PJRM 'Back To School' merupakan antara penambahbaikan di bawah PJRM sedia ada supaya lebih meluas dan memenuhi keperluan golongan sasar.

Menurutnya, sebanyak 174 pasar raya, kedai pakaian dan pusat beli belah terlibat secara dalam dan luar premis dalam program itu yang dilaksanakan seluruh negara sehingga 16 Februari ini.

"Program ini bertujuan meringankan beban golongan sasar khususnya ibu bapa dalam membeli keperluan barangan persekolahan anak-anak menjelang sesi persekolahan tidak lama lagi.

"Program ini juga menawarkan 45 hingga 70 unit penyimpanan stok (SKU) atau jenis barangan sekolah dengan kadar diskaun 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga semasa.

"Justeru, saya alu-alukan masyarakat memanfaatkan program ini, selain boleh dapatkan info lanjut dengan menyemak di laman sesawang KPDN bagi maklumat pelaksanaannya di kawasan masing-masing," katanya.

Sehubungan itu katanya, siri program seumpama itu kemungkinan akan ditambah di masa depan susulan sambutan memberangsangkan daripada masyarakat. – ID

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: ISNIN
TARIKH: 10/2/2025
M/SURAT: 3

# KPDN akan perkasa saluran aduan rakyat

Iskandar Dzulkifli

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperkasakan lagi saluran aduan rakyat sedia ada melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, selain memastikan penguatkuasaan harga barangan lebih efisien, usaha itu juga bagi meningkatkan lagi kesedaran hak rakyat sebagai pengguna.

Menurutnya, aduan berkaitan sebarang elemen pencatutan di saluran KPDN sedia ada masih kurang kerana tahap kesedaran yang masih rendah di kalangan pengguna.

Ekoran itu katanya, ia menyukarkan penguatkuasaan tangkas KPDN untuk menangani isu itu dalam tempoh 24 jam sebagaimana ditekankan di bawah kepimpinan beliau.

"Sebab itu, saya telah maklumkan kepada KPDN di semua peringkat supaya kesedaran pengguna terhadap penggunaan saluran-saluran aduan sedia ada itu diperluaskan.

"Macam di Sabah ini, saya telah arahkan supaya informasi mengenai inisiatif ini dipaparkan melalui papan iklan (billboard) dan papan iklan LED sebagai antara cara meningkat kesedaran hak pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) sempena 'Back To School' di ITCC, di sini, Ahad.



ARMIZAN (duduk) menyampaikan Bantuan Rahmah kepada salah seorang kanak-kanak di majlis itu.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, pihaknya mendapati masyarakat lebih gemar menularkan sebarang isu berkaitan pencatutan barangan tanpa maklumat lengkap hingga menyukarkan penguatkuasaan.

Sehubungan itu katanya, orang ramai digesa menggunakan saluran aduan sedia ada dengan informasi lebih tepat bagi memastikan penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan segera.

"Di bawah kepimpinan saya melalui program 'Kita Gempur', lagi banyak aduan lagi bagus sebab ia menggambarkan tentang kesedaran rakyat terhadap hak mereka sebagai pengguna.

"Saya tidak melihat bilangan aduan yang rendah itu penting bagi saya.. saya lagi suka supaya aduan lebih banyak, justeru buatlah aduan di saluran disediakan supaya kita ada rekod.

"Seterusnya, tindakan susulan dapat dibuat dalam tempoh 24 jam. Saya khuatir jika diviralkan, selain kurang maklumat, pihak yang disyaki akan sempat menyembunyikan kesalahan mereka," tegasnya.

Terdahulu, Armizan turut menyampaikan Bantuan Rahmah Persekolahan kepada 100 kanak-kanak dan Bantuan Syabas kepada usahawan belia di majlis tersebut.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 'Back to School' offers affordable supplies at 174 locations nationwide

PENAMPANG: The government, through the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), is implementing the Rahmah MADANI Sale Programme (PJRM) 'Back to School' this year to ensure school supplies are available at more affordable prices.

Its Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the programme, which runs from Jan 18 to Feb 16, involves 174 supermarkets, shopping centres, and clothing stores nationwide.

"A total of 243 PJRM 'Back to School' series have been planned during this period, and as of yesterday (Feb 8), 101 have been carried out, benefiting the public, especially families in need," he said.



ARMIZAN ... *also reminded traders not to arbitrarily raise prices for excessive profits.*

In Sabah, 24 out of the 31 planned PJRM 'Back to School' series have been successfully implemented as of yesterday.

"This programme offers discounts of 10 to 30 per cent below market prices for 45 to 70 stock-keeping units (SKUs), including school uniforms, shoes, bags, and stationery," he added.

He said this to reporters after inspecting the PJRM 'Back to School' sale at a shopping centre here yesterday.

Armizan also reminded traders not to arbitrarily raise prices for excessive profits, especially when many families are struggling to afford school supplies for their children.

"KPDN will continue to monitor and take strict action against traders who engage in profiteering. Any complaints related to unreasonable price increases will be addressed within 24 hours," he said.

To strengthen enforcement efforts, he urged the public to report any instances of profiteering immediately, emphasising that a high volume of complaints would enable KPDN to take swift action.

"I welcome as many complaints as possible because they help us act effectively. Please report through our official platform with details such as location, time, and other relevant information. If such issues go viral on social media, traders might become aware and conceal their wrongdoing," he added.

The public can submit complaints via https://e-aduan.kpdn.gov.my. – Bernama

ASIA TIMES

HARI: ISNIN

TARIKH: 10/2/2025

M/SURAT: 15

# KPDN anjur PJRM Back To School sempena musim cuti sekolah

PENAMPANG: Sebanyak 175 pasaraya, kedai pakaian dan pusat membeli belah di seluruh negara terlibat dengan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) Back to School.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, program ini bagi membantu meringankan beban ibu bapa dalam membeli keperluan sekolah untuk anak-anak mereka.

Katanya, program ini yang dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah agenda Payung Rahmah, yang mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM100 juta untuk tahun 2025, menjadikan jumlah keseluruhan RM300 juta untuk pelaksanaan pelbagai program kebajikan.

"Program PJRM Back to School bertujuan untuk menawarkan barangan kelengkapan sekolah diskaun antara 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran semasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Program Jualan Rahmah Madani Back To School 2025 sempena musim cuti persekolahan di salah sebuah pasaraya di ITCC di sini.

Turut hadir, Pengarah KPDN Sabah, Shahril Nizam Shahidin dan Pengurus Besar ITCC, Benjamin Malakun.

Armizan berkata, terdapat 45 sehingga 70 unit penyimpanan stok (SKU) bagi barangan keperluan sekolah ditawarkan termasuk pakaian seragam, kasut, dan alat tulis melibatkan sebanyak 174 pasaraya, kedai pakaian dan juga pusat membeli-belah menyertai program ini.

"Setakat 8 Februari, daripada sasaran 243 tersebut, kita telah melaksanakan sebanyak 101 PJRM Back to School di seluruh negara yang telah bermula pada 16 Januari dan dijangka berakhir pada 18 Februari ini," katanya.

Armizan berkata, sambutan terhadap program ini sangat menggalakkan dan pihaknya bercadang untuk meningkatkan kekerapan program pada tahun depan jika sambutan terus positif.

"Sekiranya kita melihat sambutan program ini menggalakkan, saya fikir kita perlu tambah lagi kekerapan siri program ini pada tahun hadapan. Namun, setakat ini saya dimaklumkan, feedback adalah amat memberangsangkan dan sambutan cukup luar biasa," katanya.



MESRA .... Armizan (tengah) diiringi Shahril (kiri) beramah mesra dengan para ibu bapa yang membawa anak-anak mereka membeli barang kelengkapan sekolah sempena PJRM Back To School di salah sebuah pasaraya di ITCC di sini.

Selain program Back to School, Armizan berkata, KPDN juga menjalankan program PJRM semasa musim perayaan, yang turut menawarkan barangan sesuai dengan tema perayaan seperti Krismas, Tahun Baharu Cina, dan Hari Raya.

Selain itu, beliau turut memaklumkan bahawa KPDN menjalankan pemeriksaan secara berterusan melalui Ops Kesan untuk memastikan tiada elemen pencatutan berlaku dalam penjualan barangan keperluan sekolah.

Beliau juga menggalakkan orang ramai untuk melaporkan sebarang aduan berkaitan harga atau penipuan dengan menggunakan saluran aduan rasmi yang telah disediakan, bagi memastikan tindakan segera dapat diambil.

THE BORNEO POST

HARI: ISNIN

TARIKH: 10/2/2025

M/SURAT: 1




Armizan chats with a young shopper picking out new shoes during the PJRM 'Back to School' sale. — Bernama photo

# Armizan: PJRM 'Back to School' offers affordable school supplies at 174 locations nationwide

PENAMPANG: The government through the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is implementing the 'Back to School' Madani Rahmah Sales Programme (PJRM) this year to ensure school supplies are available at more affordable prices.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the programme, which runs from Jan 18 to Feb 16, involves 174 supermarkets, shopping centres, and clothing stores nationwide.

"A total of 143 PJRM 'Back to School' series have been planned during this period, and as of yesterday (Feb 8), 101 have been carried out, benefitting the public, especially families in need," he said.

Met after inspecting a PJRM 'Back to School' sale at a shopping centre here yesterday, Armizan said that in Sabah, 24 out of the 31 planned PJRM 'Back to School' series were successfully implemented as of yesterday.

"This programme offers discounts of 10 to 30 per cent below market prices for 45 to 70 stock-keeping units, including school uniforms, shoes, bags, and stationery," he added.

He also reminded traders not to arbitrarily raise prices for excessive profits, especially when many families are struggling to afford school supplies for their children.

"KPDN will continue to monitor and take strict action against traders who engage in profiteering. Any complaints related to unreasonable price increases will be addressed within 24 hours," he said.

To strengthen enforcement efforts, Armizan urged the public to report any instances of profiteering immediately, emphasising that a high volume of complaints would enable KPDN to take swift action.

"I welcome as many complaints as possible because they help us act effectively. Please report through our official platform with details such as location, time and other relevant information.

"If such issues go viral on social media, traders might become aware and conceal their wrongdoing," he said.

The public can submit complaints via https://e-aduan.kpdn.gov.my. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE BORNEO POST

HARI: ISNIN
TARIKH: 10/2/2025
M/SURAT: 10

# Negeri Sembilan Rahmah Madani Sales Programme recorded total sales of RM51.2 million last year

> We aim to double the sales value this year in line with the increased allocation for the Rahmah Sales Programme.
>
> S. Veerapan

**SEREMBAN**: The Rahmah MADANI Sales Programme in Negeri Sembilan recorded RM51.2 million in total sales last year, marking a significant jump from RM12 million in the previous year.

State Entrepreneurship, Human Resources, Climate Change, Cooperatives and Consumer Affairs Committee chairman, S. Veerapan said the sales were generated through 880 programmes through 47 series, comprising 582 in-store sales, 238 mobile sales, and 60 open/premium sales.

"In 2024, the government allocated RM11.4 million for the programme, benefiting over one million residents in Negeri Sembilan, with sales figures showing a significant increase.

"We aim to double the sales value this year in line with the increased allocation for the Rahmah Sales Programme," he told reporters after officiating the Mini Rahmah MADANI Sales Carnival : Back to School Edition, which was also attended by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Negeri Sembilan director, Muhammad Zahir Mazlan, here today.

Veerapan added that the surge in sales reflects the strong support from various stakeholders, including industry players, contributing to efforts to ease cost of living burden on the people.

Commenting on the programme, he said the event offers school uniforms and supplies at discounts of up to 30 per cent compared to current market prices, with the participation of 21 supermarkets and outlets across the state.

He noted that the estimated allocation for the programme exceeds RM3.3 million, benefiting nearly 200,000 students in Negeri Sembilan.

Meanwhile, a trader, Mohd Firdaus Ahmad Hussain, 38, said such initiatives should be held annually to support less privileged parents in purchasing school essentials at more affordable prices.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES

HARI: ISNIN
TARIKH: 10/2/2025
M/SURAT: 12

## 全国共174家超市服装店购物中心

# 响应"昌明慈悯销售计划之返校"活动

（本报9日讯）全国共有174家超市、服装店和购物中心，响应国内贸易及生活成本部推行的"昌明慈悯销售计划之返回校园"（PJRM Back to School）活动。

这项活动主要是帮助减轻家长在购买孩子学校用品时的经济负担。

该计划是"慈悯伞"（Payung Rahmah）的一部分，并获得额外1亿令吉拨款，使今年总拨款增至3亿令吉，以便用来推行各种福利项目。

国内贸易及生活成本部长拿督阿米古阿里表示，在"昌明慈悯销售计划之返回校园"活动下，将提供学校用品折扣低于一般市场价格10%至30%。

"共有45种至70种校用品库存（SKU），包括校服、鞋子和文具。"

阿米古今天在ITCC购物中心主持"昌明慈悯销售计划之返回校园"（PJRM Back to School）活动后，向媒体发表谈话。

他指出，截至2月8日，全国已举办101场"昌明慈悯销售计划之返回校园"活动，部门目标是举办243场活动，此活动是从1月16日开始，预计2月18日结束。

他说，该计划获得了民众的热烈反响，若反馈持续积极，明年将增加促销活动频率。

"如果民众反应良好，我认为我们需要增加活动次数。目前来看，反馈非常积极，参与度非常高。"

除了返回校园活动，他称内贸部也在佳节如圣诞节、农历新年和开斋节期间，推出昌明慈悯销售计划，提供符合节日需求的商品。

此外，内贸部也通过"稽查行动"（Ops Kesan）持续检查物价，确保商家没有抬高学校用品价格，并鼓励民众通过官方投诉渠道举报价格欺诈，以便当局可以迅速采取行动。（070）





南洋商報
NANYANG SIANG PAU

HARI: ISNIN
TARIKH: 2/12/2021
M/SURAT: 14



阿末占（右二）在购物中心巡察慈悯返校促销活动。

## 内贸部长:广告牌及LED
# 应用来推广消费者权益

（吉隆坡9日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿末占表示，广告牌和发光二极管（LED）屏幕应该用来传递有利于消费者的重要信息，而不仅仅是展示同僚或政治人物的宣传。

他指出，这些平台可以用来推广消费者权益，例如投诉渠道和相关保护措施。

"我已经指示内贸部，通过广告牌和LED屏幕加强消费者教育。

